

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 14/3/2016

Muka surat: 2

Tajuk : Himpunan Memperkasakan Penulis Sarawak 15-17 Mac

Himpunan Memperkasakan Penulis Sarawak 15-17 Mac

KUCHING: Seramai 150 peserta dijangka menyertai Himpunan Memperkasakan Penulis Sarawak anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) bermula hari ini (15 Mac) hingga 17 Mac ini.

Bertemakan 'Penyatuan Penulis Sarawak Dalam Memperkasakan Sastera Kebangsaan', himpunan ini turut dianjurkan dengan kerjasama Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Persatuan Karyawan Sastera Sarawak (Pekasa) dan Persatuan Penulis Utara Sarawak (Putera).

Objektif himpunan adalah menanam semangat kental jati diri dan patriotisme dalam kalangan penulis; menghimpunkan rakyat pelbagai kaum dalam membentuk semangat cintakan negara berasaskan semangat perpaduan Malaysia; membincangkan nilai-nilai peradaban dalam konteks cabaran pembangunan sastera, budaya dan bahasa; serta pertemuan penulis pelbagai kaum termasuk media baharu.

Sepanjang himpunan,

sebanyak tujuh sesi pembentangan akan diadakan. Sesi pertama berjudul 'Bicara Bersama Penerima Anugerah Sastera Negeri Sarawak 2014' pada jam 2 petang (15 Mac) mengetengahkan pembicara iaitu Rosani Hiplee (puisi), Roslan Jemel (cerpen), Dahiri Saini (drama) dan Razemah Bolhassan (novel).

Seterusnya sesi kedua (3.30 petang) berjudul 'Bahasa Penyatuan Rakyat Sarawak Melalui Bahasa dan Sastera' dibincangkan oleh Dr. Hazami Jahari (DBP), Dr. Jeniri Amir (UNIMAS) dan Hamzah Hamdani (Gapena).

Pada 16 Mac, sesi ketiga (8.30 pagi) akan mengetengahkan Jaafar Hamdan (DBP), Dillah Tuah (UNIMAS) dan Bedui Uni (Institut Pendidikan Guru Batu Lintang) membicarakan 'Gagasan dan Harapan Penulis Sarawak'.

Selanjutnya pada jam 10.30 pagi judul 'Memartabatkan Seni Budaya dan Warisan Sarawak' akan dibincangkan oleh Abang Patdeli Abang Muhi (DB), Benjamin Matusin (Penkarya) dan Zainal Abidin Suhaili (Putera).

Pada jam 2 petang akan diadakan Majlis Perasmian

Ekspo Buku dan Himpunan Memperkasakan Penulis Sarawak.

Himpunan diteruskan dengan sesi kelima iaitu forum bertajuk 'Usaha Peningkatan Penerbitan Buku di Malaysia' pada jam 4.30 petang oleh empat panel iaitu Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan (PPM), Prof. Dr. Roosfa Hashim (UIAM), Mohd. Khair Ngadiron (ITBN) dan Prof. Madya Dr. Hamed Mohd. Adenan (UM).

Himpunan pada hari terakhir dimulakan pada jam 8.30 pagi dengan sesi keenam berjudul 'Peranan Penulis Pelbagai Kaum di Sarawak' oleh empat panel iaitu Poul Nanggang (Putera), Jaya Ramba (Putera), Jais Sahok dan William Chan Khun Neng.

Atur cara akan diteruskan dengan sesi ketujuh berjudul 'Memperkasakan Penulis Wanita' pada jam 10.30 pagi yang akan dibincangkan oleh Sasterawan Negara dato' Dr. Zurinah Hassan, Bibi Sabariah (Pekasa) dan Dr. Zuraini Seruji (YBMN). Sementara majlis penangguhan akan diadakan pada jam 12. tengah hari.

Disediakan oleh: Olivia Ajan

Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat